

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN OSCAR LING CHAI YEW  
(SIBU)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 07.11.2016**

**Y.B. TUAN OSCAR LING CHAI YEW [ SIBU ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan hutang negara terkini, dan juga hutang yang dijamin oleh Kerajaan, senaraikan. Adakah hutang negara sekarang mencapai suatu tahap yang membimbangkan mengikut negara yang sedia ada.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kedudukan terkini jumlah hutang Kerajaan Persekutuan pada akhir Jun 2016 adalah sebanyak RM655.7 bilion. Daripada jumlah berkenaan, 95.9% atau RM628.8 bilion adalah hutang domestik (51% daripada KDNK), sementara 4.1% lagi atau RM26.9 bilion (2.2%

daripada KDNK) merupakan pinjaman luar pesisir. Kedudukan hutang Kerajaan Persekutuan kekal terurus dan dikategorikan sebagai negara keberhutangan sederhana.

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, jumlah jaminan yang telah diberikan oleh Kerajaan sehingga Jun 2016 adalah sebanyak RM180.9 bilion atau 14.7% daripada KDNK. Jaminan tersebut diberikan terutamanya kepada entiti awam yang melaksanakan projek infrastruktur seperti DanaInfra dan Prasarana yang terlibat dalam pembinaan infrastruktur dan operasi pengangkutan awam serta sektor pendidikan seperti PTPTN. Kerajaan Persekutuan juga dari masa ke masa memberi jaminan kepada Badan Berkanun dan syarikat Kerajaan untuk meminjam bagi membiayai projek pembangunan untuk kepentingan rakyat. Jaminan ini diberikan di bawah Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965.

3. Kadar hutang Kerajaan Persekutuan sekarang bukanlah pada satu tahap yang membimbangkan. Malaysia dikategorikan sebagai negara keberhutangan sederhana dengan paras hutang Kerajaan Persekutuan berbanding KDNK kekal terurus pada 53.2% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada akhir Jun 2016.

4. Kerajaan terus komited dalam memastikan paras hutang Kerajaan Persekutuan tidak melebihi 55% daripada KDNK. Bagi memastikan paras hutang Kerajaan Persekutuan kekal rendah dan terurus, langkah konsolidasi fiskal akan terus diamalkan bagi mengurangkan paras defisit secara berperingkat. Kedudukan ini seterusnya akan mengurangkan keperluan Kerajaan untuk meminjam dan dapat menurunkan paras hutang. Selain itu, Kerajaan lebih berhati-hati dalam memberikan jaminan dan hanya memfokuskan kepada projek yang berimpak tinggi dan bermanfaat kepada rakyat. Kepatuhan yang tegas terhadap disiplin fiskal serta pengurusan hutang yang baik terus diberikan penekanan bagi memastikan kedudukan fiskal dan makroekonomi terus kukuh serta dapat menampai sebarang krisis.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' SHAMSUL ANUAR BIN HAJI NASARAH  
[LENGGONG]**

**TARIKH : 7 NOVEMBER 2016 (ISNIN)**

**SOALAN : 23**

**Dato' Shamsul Anuar Bin Haji Nasarah [Lenggong]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sejauh mana kesediaan Kementerian dalam menyediakan sistem pengangkutan mesra OKU kepada golongan ini bagi mencapai sasaran dasar 1 peratus golongan ini bekerja dalam perkhidmatan awam yang telah dilaksanakan.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kemudahan bagi sistem pengangkutan awam yang mesra Orang Kurang Upaya (OKU) sentiasa diambil kira bagi memastikan golongan ini menerima tahap perkhidmatan yang setaraf dengan golongan lain. Jawatankuasa Pengangkutan Di Bawah Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya (MKBOKU) yang dipengerusikan oleh Kementerian Pengangkutan serta dianggotai oleh agensi-agensi berkaitan sektor pengangkutan sentiasa memasti dan memantau agar sistem perkhidmatan pengangkutan awam yang disediakan di negara ini mengambil kira keperluan golongan OKU.

Terdapat pelbagai langkah telah dirangka dan dilaksanakan dalam menyediakan sistem perkhidmatan awam yang memenuhi keperluan golongan OKU. Antaranya adalah seperti berikut:

- i) mengadakan audit aksesibiliti secara berkala ke atas perkhidmatan pengangkutan awam di negara dengan disertai oleh golongan OKU. Ini bertujuan untuk memeriksa serta menilai kemudahan dan fasiliti yang terdapat pada perkhidmatan pengangkutan awam dan mengenal pasti kelemahan yang wujud serta mencadangkan langkah-langkah penambahbaikan yang boleh dilaksanakan ke atas perkhidmatan pengangkutan awam tersebut;

- ii) dalam konteks infrastruktur, memastikan setiap pembinaan terminal dan stesen baru mematuhi Piawaian Malaysia MS 1184: 2002 – *Code of Practice for Access for Disabled People to Public Buildings* yang disediakan oleh Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia [*Standard & Industrial Research Institute of Malaysia (SIRIM)*] . Piawaian ini telah pun digunakan pakai sebagai rujukan dalam perancangan rekabentuk bagi projek *Mass Rapid Transit* Laluan 1 (Sungai Buloh – Kajang) yang kini sedang dalam pembinaan dan akan beroperasi pada hujung 2016; dan
  
- iii) dalam konteks perkhidmatan pula, beberapa inisiatif baru telah diambil atau sedang dilaksanakan seperti berikut:
  - a) menyediakan Latihan secara berkala kepada pemandu teksi yang ingin memperbaharui lesen dengan memasukkan silibus kaedah mengendali golongan OKU sepertimana yang telah disyaratkan di bawah Kod Etika Pemandu Pengangkutan Awam serta perlu mematuhi spesifikasi kenderaan mesra OKU; dan
  
  - b) mensyaratkan semua bas henti-henti baru yang disediakan di bawah skim Transformasi Perkhidmatan Bas Henti-henti [*Stage Bus Transformation Services (SBST)*] untuk dilengkapi dengan kemudahan seperti ‘ramp’ dan ketinggian lantai bas yang bersesuaian bagi menyediakan kemudahan mesra OKU.